

# Selamat datang, para pendaki!

Ikuti kami dalam panduan sendiri  
bergambar untuk pengalaman terbaik  
Rimba Komuniti Shah Alam (SACF)

Jom ikuti Temon si tenuk di Rimba Komuniti  
Shah Alam (SACF) untuk mengetahui fakta-  
fakta menarik disini







# Peta SACF

Gunakan Peta SACF ini sebagai panduan perjalanan anda.







## Hentian 1

- Temon si tenuk suka berjalan di dalam hutan dengan ibunya.

Suasana hutan buat ia rasa segar dan tenang. Ada je sesuatu yang baru untuk dilihat!





Pada suatu malam, Temon  
terpisah dari ibunya masa  
mereka tengah berjalan-jalan.







Lan si lotong  
ternampak  
Temon yang  
tengah  
menangis.



"Mungkin aku patut  
tolong dia cari ibunya,"  
fikir Lan.



Ketahui sambungan kisah  
ini di Hentian 2...





Fakta SACF

# Tenuk

*Tapirus indicus*



1. Merupakan spesis tenuk yang terbesar di antara empat spesis didunia. Ia ada di dalam kategori terancam sebab hanya ada kurang dari 2500 ekor tenuk sahaja sekarang.
2. Seperti gajah, tenuk juga digelar "petani rimba" sebab ia menyebarkan biji benih buah-buahan yang ia makan, melalui najis. Proses ini membantu untuk kekalkan keseimbangan ekosistem hutan.
3. Kerana aktiviti pembalakkan yang berleluasa, tenuk kini terpaksa keluar dari habitat asal dan selalu menjadi mangsa kemalangan yang dilanggar semasa cuba melintas di jalan raya. Dah lebih 14 ekor tenuk telah terbunuh akibat dilanggar kenderaan di Shah Alam sahaja!

Nak lagi fakta menarik tentang tenuk?

Kenapa tenuk perlu diselamatkan?

TEKAN SINI







Fakta SACF

# Lotong

*Trachypithecus obscurus*



1. Langur, berasal daripada perkataan Hindu yang bermakna "ekor panjang". Ekornya berukuran 50-85 cm, lagi panjang dari badan ia! Juga dipanggil "dusky leaf monkey" dan "spectacled langur" kerana bulatan putih di keliling matanya yang nampak seperti kaca mata.
2. Primat pemalu ini adalah sejenis Folivor, bermakna saluran penghadaman ia khusus untuk makan dedaun. Ia juga makan buah-buahan hutan.
3. Bila diancam, lotong akan pertahankan habitat mereka dengan menggoncang dan mematahkan dahan pokok untuk halau pemangsa. Ia dikategorikan sebagai spesies terancam kerana kehilangan habitat serta diburu secara haram untuk dijual sebagai binatang peliharaan.

Nak lagi fakta tentang lotong yang menarik?

TEKAN SINI







Fakta SACF

# Terapi Rimba

Shinrin-Yoku



1. Selain haiwan, manusia pun boleh dapatkan banyak manfaat kalau beriadah di dalam hutan. Pokok kan mengeluarkan "phytoncides", dan ini boleh membantu menguatkan sistem imunisasi dan menurunkan tekanan darah.
2. Terapi rimba boleh membantu meningkatkan mood dan kesihatan mental. Di Jepun, ada juga doktor yang akan menyarankan "forest bathing" atau "shinrin yoku" sebagai sejenis terapi.

Jom baca sains disebalik Phytocides

Boleh ke "forest bathing" meningkatkan imuniti kita?

TEKAN SINI



Peta SACF